Jebat: Malaysian Journal of History, Politics & Strategic Studies
52(1)(2025): 51-71
https://doi.org/10.17576/jebat.2025.5201.03

Pengaruh *al-Manar* terhadap Pemikiran Islah: Tumpuan Terhadap Permintaan Fatwa oleh Penduduk Tanah Melayu, 1905-1918

The Influence of al-Manar on Reformist Thought: Focus on the Requests for Fatwas from the People of Malaya, 1905-1918

ABU HANIFAH HARIS
Jabatan Sejarah, Fakulti Sastera dan Sains Sosial,
Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur, Malaysia
Corresponding author: abuhanifah@um.edu.my

Received: 27 June 2024 Accepted: 02 March 2025

Abstrak

Al-Manar (1898-1940) merupakan sebuah majalah bercorak agama dalam bahasa Arab yang diterbitkan oleh Rashid Rida (1865-1935) di Mesir. Antara keistimewaan *al-Manar* ialah kewujudan ruangan khas yang membolehkan pembaca mengemukakan sebarang persoalan agama kepada pengarang majalah tersebut. Selain orang Arab sendiri dan penduduk Timur Tengah, penduduk Tanah Melayu juga tidak ketinggalan untuk turut sama mengemukakan persoalan agama kepada *al-Manar*, termasuklah orang Melayu. Lanjutan daripada itu, persoalan kajian ini ialah apakah isu agama yang mencetuskan persoalan yang besar kepada penduduk Tanah Melayu sehingga mereka bertindak mengemukakan persoalan tersebut kepada *al-Manar*? Bagi menjawab persoalan tersebut, kajian ini bertujuan membincangkan permintaan fatwa terhadap *al-Manar* daripada penduduk Tanah Melayu antara tahun 1905 hingga 1918, termasuklah permintaan fatwa dalam kalangan pelajar Melayu yang belajar di Mesir. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan meneliti sumber primer seperti akhbar dan majalah. Selain *al-Manar* sebagai rujukan utama, kajian ini juga merujuk beberapa akhbar dan majalah lain seperti *al-Imam*, *Pengasoh*, dan *Tunas Melayu*. Kajian ini turut merujuk sejumlah sumber sekunder seperti buku dan artikel. Kajian menunjukkan bahawa *al-Manar* mempunyai pengaruh yang signifikan terhadap perkembangan pemikiran islah di Tanah Melayu apabila penduduk Tanah Melayu telah memohon pelbagai fatwa daripada majalah tersebut. Antara tahun 1905 hingga 1918, penduduk Tanah Melayu telah mengemukakan sejumlah persoalan kepada pengarang *al-Manar* melibatkan isu akidah, fikah dan ilmu pengetahuan. Hal ini menonjolkan kepentingan *al-Manar* sebagai sumber fatwa dalam kalangan penduduk Tanah Melayu tatkala buntu dalam mendapatkan fatwa.

Kata kunci: *al-Manar*; Tanah Melayu; Rashid Rida; Sheikh Tahir Jalaluddin; Sayyid Sheikh al-Hadi

Abstract

Al-Manar (1898–1940) is a religious magazine in Arabic published by Rashid Rida (1865–1935) in Egypt. One of the distinctive features of Al-Manar was a special column that allowed readers to submit religious questions directly to the author. Not only Arabs and people from the Middle East utilized this feature, but also the people of Malaya, including the Malays, actively participated by submitting their own religious inquiries to Al-Manar. This raises the question, what religious issues prompted such significant interest from the people of Malaya, leading them to seek answers from

eISSN: 2180-0251

al-Manar? To address this, the study examines the demand for fatwas in al-Manar from the people of Malaya between 1905 and 1918, including those from Malay students studying in Egypt. The study employs a qualitative library research methodology, consulting various primary sources, including magazines. While al-Manar serves as the main reference, other magazines such as al-Imam, Pengasoh, and Tunas Melayu are also referenced. Additionally, several secondary sources, including books and articles, are consulted. The study shows that al-Manar had a significant impact on the development of reformist thought in Malaya as the people of Malaya sought various fatwas from the magazine. Between 1905 and 1918, the people of Malaya submitted several questions to the author of al-Manar concerning issues of faith, jurisprudence, and knowledges. This highlights the importance of al-Manar as a source of fatwa for the people of Malaya when they were uncertain about obtaining a fatwa.

Keywords: al-Manar; Malaya; Rashid Rida; Sheikh Tahir Jalaluddin; Sayyid Sheikh al-Hadi

Pengenalan

Al-Manar (1898-1940) merupakan sebuah majalah yang diterbitkan di Kaherah, Mesir oleh Rashid Rida[1] iaitu seorang tokoh islah yang terkenal pada awal abad ke-20. Majalah ini sering menyiarkan pelbagai fatwa yang dipohon oleh umat Islam dari seluruh Dunia Islam di dalam ruangan '*Fatawa al-Manar*' (Fatwa *al-Manar*). Antara pembaca *al-Manar* ialah penduduk Tanah Melayu khususnya dalam kalangan keturunan Arab yang banyak menetap di Singapura. Kebanyakan mereka terdiri daripada beberapa keturunan Arab Hadhrami seperti al-Attas, al-Junied, al-Kaff, al-Idrus, al-Bar, dan al-Jufri. Majoriti masyarakat Arab Hadhrami ini berasal dari Hadramawt, Yaman dan mula berhijrah ke Alam Melayu dalam jumlah yang agak ramai sejak akhir abad ke-19 dan awal abad ke-20. Jumlah penduduk keturunan Arab di Singapura misalnya bertambah dengan mendadak selepas pembukaan Singapura oleh Stamford Raffles pada tahun 1819. Sebagai keturunan Arab, kebanyakan mereka masih mampu membaca, menulis serta bertutur dalam bahasa Arab dengan baik meskipun sudah berhijrah dari Timur Tengah dan menetap di Tanah Melayu sejak awal abad ke-19, atau sekurang-kurangnya mereka masih mampu membaca akhbar dan majalah dalam bahasa Arab sama ada yang diterbitkan di Timur Tengah seperti *al-Manar* atau diterbitkan di Tanah Melayu seperti *al-Islah*.

Pada masa yang sama, *al-Manar* juga turut dibaca oleh orang Melayu, khususnya dalam kalangan ulama dan ilmuwan yang mempunyai penguasaan ilmu agama dan bahasa Arab yang baik. Seiring dengan peredaran waktu, kehidupan orang Melayu mulai berubah. Hal ini kerana orang Melayu mula menghadapi pelbagai isu dan permasalahan semasa yang berlegar dalam masyarakat, dan memerlukan kepada penjelasan lanjut berkaitan hukum agama merujuk kepada isu dan permasalahan tersebut. Di samping itu, pendedahan kepada perkembangan teknologi semasa seperti penciptaan pelbagai peralatan baru juga pastinya memerlukan kepada penjelasan dari segi hukum agama berkaitan penggunaan peralatan tersebut. Tambahan pula, tidak semua ulama tempatan ketika itu mampu memberikan pandangan berkaitan hukum agama merujuk kepada isu dan permasalahan tersebut, atau sekurang-kurangnya dapat memberikan satu jawapan yang meyakinkan orang Melayu. Oleh itu, orang Melayu tercari-cari pihak yang boleh menjadi rujukan kepada mereka untuk mendapatkan fatwa berkenaan sesuatu isu atau permasalahan agama. Ketika inilah, *al-Manar* yang menyediakan ruangan khas bagi membolehkan pembaca mengemukakan permasalahan agama muncul sebagai salah satu pilihan utama bagi mendapatkan fatwa dalam kalangan orang Melayu. Mengapa penduduk Tanah Melayu memohon fatwa daripada *al-Manar*? Selain Mesir mula menjadi destinasi mendapatkan fatwa sejak peningkatan jumlah pelajar dari Tanah Melayu yang menyambung pengajian di Universiti al-Azhar pada akhir abad ke-19[2], segelintir penduduk Tanah Melayu yang

terpengaruh dengan pemikiran islah juga lebih gemar memohon fatwa daripada Rashid Rida yang berpegang kepada pemikiran islah atau Kaum Muda berbanding institusi fatwa di Tanah Melayu yang majoritinya dikuasai oleh golongan Kaum Tua.[3]

Terdapat beberapa kajian yang pernah dihasilkan oleh sarjana berkenaan pengaruh *al-Manar* di Asia Tenggara, khususnya di Alam Melayu. Antaranya kajian awal yang dihasilkan oleh Jutta Bluhm-Warn, diikuti Mona Abaza, Jajat Burhanuddin, dan Ahmed Ibrahim Abushouk. Jutta Bluhm-Warn merupakan penulis terawal yang mengkaji peranan *al-Manar* dalam menyebarkan idea islah dan tajdid di Alam Melayu.[4] Dalam sebuah lagi kajian, Jutta Bluhm-Warn menonjolkan peranan Ahmad Soorkattie, seorang keturunan Arab yang menetap di Indonesia dalam menyebarkan idea islah yang diperjuangkan oleh Rashid Rida kepada rantau Alam Melayu.[5] Mona Abaza pula meneruskan kajian berkenaan pengaruh *al-Manar* di Asia Tenggara, namun lebih memberi tumpuan kepada peranan *al-Manar* dalam menyebarkan idea pemodenan Islam dalam kalangan penduduk Asia Tenggara.[6] Manakala Jajat Burhanuddin pula membincangkan permintaan fatwa daripada masyarakat Asia Tenggara kepada *al-Manar*.[7] Ahmed Ibrahim Abushouk pula hanya memberi fokus kepada permintaan fatwa kepada *al-Manar* dalam kalangan masyarakat Arab Hadhrami di Alam Melayu sahaja.[8] Namun begitu, semua tulisan tersebut membincangkan skop kajian yang lebih luas iaitu dalam konteks Asia Tenggara dan Alam Melayu. Pada masa yang sama, semua kajian tersebut juga lebih memberi tumpuan kepada pengaruh *al-Manar* di Indonesia sahaja, sekali gus langsung tiada perbincangan yang memberi fokus kepada permintaan fatwa dalam kalangan penduduk Tanah Melayu sedangkan penduduk Tanah Melayu juga merupakan antara pembaca *al-Manar* yang aktif menghantar permohonan fatwa, khususnya dalam kalangan masyarakat keturunan Arab di Singapura. Bahkan semua kajian tersebut juga langsung tidak membincangkan permintaan fatwa dalam kalangan orang Melayu, sedangkan majalah tersebut juga turut dibaca oleh orang Melayu, khususnya dalam kalangan golongan ulama dan pelajar Melayu yang menyambung pengajian di Universiti al-Azhar, Mesir.

Lanjutan daripada itu, timbul persoalan apakah isu agama berkaitan kehidupan seharian umat Islam di Tanah Melayu ketika itu yang mencetuskan persoalan yang besar kepada penduduk Tanah Melayu sehingga menyebabkan mereka mengambil keputusan mengemukakan persoalan tersebut kepada *al-Manar*? Hal ini kerana persoalan yang dikemukakan kepada *al-Manar* kemungkinan besar sama ada tidak mampu dijawab oleh ulama tempatan, atau jawapan yang dikemukakan tidak memuaskan hati mereka sehingga mendorong mereka mengemukakan terus persoalan tersebut kepada *al-Manar*. Bagi menjawab persoalan tersebut, kajian ini bertujuan membincangkan permintaan fatwa terhadap *al-Manar* daripada penduduk Tanah Melayu, termasuklah orang Melayu. Kajian ini juga akan menganalisis permintaan fatwa yang dikemukakan kepada *al-Manar* dalam kalangan pelajar Melayu yang belajar di Universiti al-Azhar, Mesir. Skop kajian ini ialah antara tahun 1905 hingga 1918, iaitu berdasarkan permintaan fatwa yang pernah dikemukakan oleh penduduk Tanah Melayu kepada *al-Manar* dalam tempoh tersebut. Meskipun penduduk Tanah Melayu dikesan sudah menghantar surat kepada *al-Manar* sejak akhir abad ke-19 lagi berdasarkan surat bertarikh 27 Rejab 1317 Hijrah bersamaan 30 November 1899 daripada seorang pembaca *al-Manar* di Singapura, namun surat tersebut bukanlah bertujuan untuk memohon fatwa, sebaliknya hanya menjelaskan perkembangaan politik yang melibatkan Belanda dan British yang kemudiannya disiarkan dalam ruangan '*Alam Islami*' (Dunia Islam).[9] Oleh itu, kajian dimulakan pada tahun 1905 sebagai tahun terawal permintaan fatwa daripada pembaca *al-Manar* dari Singapura berkenaan hukum perkahwinan antara wanita keturunan Sayyid dengan lelaki keturunan biasa.[10] Kajian ditamatkan pada tahun 1918 sebagai tahun terakhir permintaan fatwa daripada pembaca *al-Manar* dari Singapura berkenaan keharusan pekerjaan membuat objek berjisim.[11]

Latar Belakang Penerbitan *al-Manar*

Al-Manar merupakan sebuah majalah dalam bahasa Arab yang telah diasaskan oleh Muhammad Rashid Rida. Dari segi bahasa, *al-Manar* bermaksud 'menara'. Majalah ini diterbitkan bagi mengembangkan idea Pan-Islamisme yang diperjuangkan oleh gurunya iaitu Muhammad Abduh.[12] Keluaran pertama majalah ini diterbitkan pada 22 Syawal 1315 Hijrah bersamaan 17 Mac 1898 di Kaherah, Mesir. Pada peringkat awal, halaman *al-Manar* tidak pernah melebihi lapan muka surat. Pada dua tahun pertama penerbitannya (1898-1900), majalah ini mula diterbitkan secara mingguan. Bermula pada tahun ketiga penerbitannya iaitu pada tahun 1901, *al-Manar* diterbitkan dua kali sebulan sebelum diterbitkan sekali sebulan. Penerbitan bagi keluaran pertama majalah ini pernah mencecah 1,500 naskhah. Pada peringkat awal, majalah ini tidak mendapat sambutan di Syria dan Turki, manakala majalah yang dihantar ke Mesir telah dikembalikan semula selepas penebitannya ditentang oleh kerajaan Turki Uthmaniyah yang menguasai ketiga-tiga wilayah tersebut.[13] Meskipun jumlah pelanggan *al-Manar* pada penghujung tahun ketiga penerbitannya iaitu pada tahun 1901, hanya berjumlah sekitar 300 hingga 400 orang, namun *al-Manar* mula mendapat sambutan yang menggalakkan pada tahun kelima penerbitannya iaitu pada tahun 1903 apabila jumlah pelanggan *al-Manar* mula meningkat secara mendadak.[14] Kebanyakan pelanggan majalah tersebut datang dari seluruh dunia, iaitu tidak meliputi benua Asia sahaja, tetapi juga meliputi benua Eropah, Amerika dan Afrika. Selain Timur Tengah khususnya Mesir sebagai lokasi penerbitan majalah tersebut, *al-Manar* juga dilanggan oleh pembaca dari benua Afrika seperti Tunisia, Sudan, Sierra Leon; benua Asia seperti India dan China; benua Eropah seperti Rusia dan Bosnia, serta benua Amerika iaitu Amerika Syarikat. Selain itu, pembaca *al-Manar* juga datang dari Alam Melayu, termasuklah di Tanah Melayu, Indonesia, selatan Thailand dan selatan Filipina.

Penerbitan *al-Manar* bertujuan untuk meneruskan perjuangan *al-Urwah al-Wuthqa* yang pernah diterbitkan oleh Jamal al-Din al-Afghani dan Muhammad Abduh semasa mereka berada di Paris, Perancis pada tahun 1884.[15] Cadangan penerbitan *al-Manar* muncul sebelum Rashid Rida ke Kaherah pada tahun 1897 lagi, tetapi tidak dapat dilaksanakan kerana kawalan kerajaan Turki Uthmaniyah terhadap penerbitan majalah di Syria ketika itu yang dibimbangi boleh mengancam kedudukannya. Tambahan pula, sudah terdapat majalah *Thamarat al-Funun* yang diterbitkan oleh Abdul Qadir al-Qabbani sebagai pengarang ketika itu.[16]

Secara umumnya, *al-Manar* banyak membincangkan tentang persoalan pembaharuan Islam dan perjuangan islah.[17] Pada peringkat awal, *al-Manar* menyeru umat Islam kepada dakwah dan pendidikan, sebelum memperjuangkan isu politik global yang menyentuh isu-isu semasa umat Islam. Kandungan *al-Manar* boleh dibahagikan kepada dua bahagian. Bahagian pertama membincangkan tafsir al-Quran mengikut pandangan Rashid Rida dan Muhammad Abduh.[18] Himpunan tafsir tersebut kemudian dikenali sebagai *Tafsir al-Manar*. Bahagian kedua memuatkan pelbagai artikel berkaitan aspek politik, pendidikan, kesusasteraan, sejarah, serta permasalahan agama.[19]

Setelah kematian Rashid Rida pada tahun 1935, penerbitan *al-Manar* terhenti sekitar tujuh bulan sebelum diteruskan oleh seorang ulama terkenal dari Syria iaitu Sheikh Bahjat al-Bitar. Beliau juga bertanggungjawab meneruskan penulisan tafsir Surah Yusuf yang terhenti setelah kematian Rashid Rida. Namun begitu, penerbitan majalah tersebut tidak dapat diteruskan selepas itu dan terhenti hampir 3 tahun. Selepas itu, pengasas dan pemimpin Ikhwan al-Muslimin di Mesir, iaitu Hasan al-Banna telah meneruskan penerbitan majalah tersebut bermula pada keluaran 18 Julai 1939. Namun kesibukan beliau dalam memimpin Ikhwan al-Muslimin menghadkan penglibatan beliau dalam penerbitan majalah tersebut. Akhirnya penerbitan majalah tersebut tamat setakat tahun 1940 sahaja, iaitu sempat diterbitkan sebanyak 6 keluaran selama hampir 14 bulan di bawah kepimpinan Hasan al-Banna.[20] Meskipun begitu, *al-Manar* yang diterbitkan selepas tahun 1935 tidak mampu

menyaingi pengaruh yang dimiliki majalah tersebut ketika berada di bawah kepimpinan Rashid Rida. Sepanjang hampir 37 tahun penerbitannya (1898-1935), *al-Manar* bukan sahaja banyak mempengaruhi pemikiran umat Islam di Timur Tengah dan seluruh Dunia Islam, tetapi juga penduduk Tanah Melayu.

Pengaruh *al-Manar* di Tanah Melayu

Sebagai sebuah majalah berbahasa Arab, *al-Manar* juga merupakan antara majalah dalam bahasa Arab yang terkenal dalam kalangan keturunan Arab di Tanah Melayu. Malah majalah tersebut juga menjadi antara majalah bahasa Arab dari luar Tanah Melayu yang sering dilanggan dan dibaca oleh masyarakat keturunan Arab di Tanah Melayu, selain beberapa majalah bahasa Arab lain dari Mesir seperti *al-Muayyad, al-Ahram, al-Hilal* dan *al-Muqattam*. Hal ini bukanlah sesuatu yang menghairankan kerana majoriti penduduk keturunan Arab di Tanah Melayu khususnya di Singapura seperti keturunan al-Attas dan al-Junied pada abad ke-19 dan awal abad ke-20 masih menguasai bahasa Arab dengan baik kerana bahasa Arab merupakan bahasa asal pertuturan mereka.

Selain itu, *al-Manar* juga merupakan antara majalah yang sering dibaca dan dirujuk oleh orang Melayu, khususnya dalam kalangan ulama dan ilmuwan yang menguasai bahasa Arab. Kemampuan mereka membaca dan memahami bahasa Arab dengan baik membolehkan mereka turut ikut serta dalam perbahasan agama dalam majalah tersebut apabila turut sama mengemukakan persoalan agama dan permintaan fatwa daripada *al-Manar*. Malah Rashid Rida juga menjadi antara tokoh yang dihormati dan disanjung di Tanah Melayu, khususnya dalam kalangan ulama dan tokoh Kaum Muda. Beberapa orang ulama dan tokoh Kaum Muda di Tanah Melayu seperti Sheikh Tahir Jalaluddin misalnya sempat bersahabat dengan dengan pengarang *al-Manar*, Rashid Rida ketika melanjutkan pengajian di Universiti al-Azhar pada akhir tahun 1890-an. Sayyid Sheikh al-Hadi iaitu seorang lagi tokoh Kaum Muda di Tanah Melayu juga sempat menemui Muhammad Abduh dan Rashid Rida ketika melawat Mesir bagi mengiringi anak-anak Raja Riau.[21] Kesempatan menemui pengarang *al-Manar* di samping melanggan dan meneliti *al-Manar* menyebabkan corak pemikiran dan penulisan mereka juga banyak dipengaruhi oleh pendekatan *al-Manar* khususnya dalam persoalan agama dan politik, sebagaimana yang dapat diteliti dalam penerbitan *al-Imam* (1906-1908) ketika mereka berdua menjadi antara pengarang majalah tersebut, di samping Sheikh Muhammad Salim al-Khalili. Dalam hal ini, Abdul Aziz Mat Ton menegaskan bahawa terdapat persamaan antara aliran pemikiran majalah *al-Imam* dengan *al-Manar* sehingga menggelarkan tokoh *al-Imam* ini sebagai tokoh aliran 'al-Manar'.[22]

Permintaan Fatwa Berkaitan Aspek Akidah

Meminta Tolong Daripada Si Mati

Penduduk Tanah Melayu pernah meminta fatwa daripada pengarang *al-Manar* berkaitan isu memohon pertolongan daripada orang yang sudah meninggal dunia. Pada tahun 1906, seorang pembaca *al-Manar* dari Singapura pernah meminta pandangan pengarang *al-Manar* berkaitan hukum memohon pertolongan kepada orang yang sudah meninggal dunia agar dijauhkan daripada keburukan dan didatangkan dengan kebaikan.[23] Dalam jawapannya, pengarang *al-Manar* menjelaskan bahawa perbuatan tersebut adalah amalan bidaah yang bertentangan dengan ajaran Islam kerana perbuatan tersebut jelas menyekutukan Allah SWT. Pengarang *al-Manar* ternyata sangat tegas dalam isu ini dengan menolak sebarang permohonan doa oleh umat Islam dengan perantaraan makhluk, apatah lagi daripada seseorang yang sudah meninggal dunia. Hal ini kerana secara fitrahnya, seseorang yang sudah mati tidak mempunyai sebarang kemampuan untuk berbuat apa-apa, termasuklah memperkenankan

permohonan doa daripada makhluk yang masih hidup.

Tarekat

Persoalan lain yang menjadi tumpuan utama penduduk Tanah Melayu ketika itu ialah kegiatan tarekat.[24] Dalam hal ini, sejumlah persoalan berkenaan tarekat pernah dikemukakan oleh penduduk Tanah Melayu kepada pengarang *al-Manar*. Pada tahun 1906, seorang pembaca *al-Manar* dari Singapura pernah meminta pandangan pengarang *al-Manar* berkaitan amalan pengikut Tarekat Rasyidiyyah yang membaca zikir khusus dengan suara yang keras, selain mengamalkan beberapa amalan lain yang disyaki bertentangan dengan ajaran Islam.[25] Dalam jawapannya, pengarang *al-Manar* menjelaskan bahawa kesemua amalan tersebut merupakan amalan bidaah sebagaimana yang dinyatakan oleh Sheikh al-Islam Ibn Taimiyyah dalam sebuah kitab yang berjudul *Risalah al-Ubudiyyah*. Secara umumnya, isu berkenaan amalan tarekat dan tasawuf merupakan antara isu yang popular kepada penduduk Tanah Melayu, termasuklah dalam kalangan orang Melayu berkenaan keharusan mengamalkan tarekat yang disertai dengan pelbagai zikir, termasuklah tarian. Dalam hal ini, ternyata pengarang *al-Manar* mengambil pendekatan yang lebih berhati-hati apabila menyeru orang awam yang tidak mempunyai asas ilmu agama yang kukuh agar menjauhi amalan tarekat yang banyak disertai dengan zikir yang tidak mempunyai nas yang kukuh dan sahih, sebaliknya menyeru orang awam agar mengamalkan zikir biasa yang sering dibaca selepas solat.

Selain itu, persoalan berkaitan Tarekat Naqshabandiyyah juga pernah dikemukakan kepada pengarang *al-Manar*. Pada tahun 1907, seorang pembaca *al-Manar* dari Singapura pernah meminta pandangan pengarang *al-Manar* berkaitan Tarekat Naqshabandiyyah. Menurut pembaca tersebut lagi, persoalan berkaitan Tarekat Naqshabandiyyah juga telah dibincangkan secara panjang lebar dalam majalah *al-Imam* sehingga menimbulkan polemik dalam kalangan umat Islam di Singapura.[26] Pada tahun 1908, seorang lagi pembaca *al-Manar* dari Kuala Lumpur pernah mengemukakan perbahasan berkenaan amalan Tarekat Naqshabandiyyah yang telah dibincangkan dalam *al-Imam*, khususnya keperluan kepada kehadiran rupa Sheikh dalam hati pengikutnya ketika berzikir.[27] Pada tahun 1909, persoalan berkaitan amalan Tarekat Naqshabandiyyah juga pernah dikemukakan oleh pembaca *al-Manar* kepada Rashid Rida.[28] Dalam jawapannya, pengarang *al-Manar* menjelaskan bahawa amalan pengikut Tarekat Naqshabandiyyah bukan sahaja tidak pernah wujud dalam al-Quran dan hadis, bahkan jelas bercanggah dengan ajaran Islam. Rashid Rida ternyata tegas dengan pendapatnya bahawa amalan Tarekat Naqshabandiyyah jelas bertentangan dengan ajaran Islam, dan umat Islam perlu menolak ajaran tarekat tersebut khususnya bagi orang awam kerana mereka mudah tertarik dengan amalan tarekat ini.

Selain persoalan berkaitan tarekat yang telah dikemukakan kepada majalah *al-Imam* sekitar tahun 1907, persoalan berkaitan tarekat juga terus menarik minat orang Melayu pada tahun 1920-an. Hal ini berdasarkan perbahasan mengenai tarekat yang pernah dipaparkan dalam beberapa majalah Melayu ketika itu, termasuklah dalam majalah *Pengasoh* yang diterbitkan di Kelantan. Pada tahun 1925, salah seorang pembaca majalah *Pengasoh* dari Kedah iaitu Muhammad Ali bin Muhammad Diah pernah mengemukakan persoalan kepada pengarang *Pengasoh* mengenai hukum mempelajari Tarekat Naqshabandiyyah, iaitu sama ada wajib mempelajarinya atau tidak.[29] Dalam jawapannya, pengarang *Pengasoh* menjelaskan tidak terdapat dalil jelas yang mewajibkan umat Islam mempelajari Tarekat Naqshabandiyyah. Oleh itu, jelaslah bahawa isu tarekat khususnya Tarekat Naqshabandiyyah turut menarik orang Melayu pada awal abad ke-20.

Selain itu, antara tarekat yang berkembang pesat di Kelantan pada awal abad ke-20 ialah Tarekat Aḥmadiyyah. Salah seorang ulama Kelantan yang menentang keras amalan tarekat ialah Haji Wan Musa, bekas Mufti Kelantan (1908-1916).[30] Beliau menentang keras Tarekat Ahmadiyyah

yang diamalkan secara meluas di sekitar surau berhampiran Kampung Laut, Tumpat di bawah pimpinan Sidi Azahari, seorang ulama dari Makkah. Namun begitu, kritikan Haji Wan Musa terhadap amalan Tarekat Ahmadiyyah yang berkembang pesat di surau tersebut tidak dipersetujui oleh Haji Ahmad Abdul Manam dan Haji Nik Wan Abdullah serta pengikut-pengikutnya yang melihat kepada 'kewalian' Sidi Azahari sendiri.[31] Namun Setiausaha Kerajaan Kelantan akhirnya telah menulis surat kepada Sultan Kelantan, Sultan Muhammad Ke-4 bagi menjelaskan penyelewengan ajaran tarekat yang dipimpin oleh Sidi Azahari.[32] Akhirnya satu surat telah dihantar kepada Sidi Azhari yang meminta beliau agar keluar dari negeri Kelantan sebelum hari Sabtu, 19 Mei 1917.[33] Meskipun begitu, Sidi Azhari dilaporkan masih tidak keluar daripada negeri Kelantan. Akibatnya, berlaku sedikit kekecohan pada tahun 1924 apabila beberapa pihak yang pernah memberi tanah dan rumah kepada Sidi Azahari sebagai surau termasuklah Haji Wan Musa sendiri bertindak meminta beliau berpindah dari situ. Salah seorang yang terlibat ialah Haji Ahmad Abdul Manam yang mendakwa beliau hanya memberi kelengkapan untuk membuat surau dan tidak pernah berniat mewakafkannya.[34] Meskipun begitu, tidak diketahui apakah nasib yang menimpa Sidi Azahari selepas itu. Walau bagaimanapun, kisah yang berlaku kepada Sidi Azhari ini menunjukkan bahawa pengaruh tarekat sangat kuat dalam kalangan masyarakat Melayu termasuklah di negeri Kelantan sehingga menyebabkan pihak berkuasa agama negeri perlu campur tangan bagi mengelakkan ajaran tersebut yang telah difatwakan sesat daripada berkembang dalam masyarakat.

Terdapat juga penduduk Tanah Melayu yang mengemukakan persoalan kepada *al-Manar* mengenai masalah menuduh orang Islam yang lain sebagai kafir. Pada tahun 1906, Sheikh Abdullah al-Hadrami dari Singapura pernah mengemukakan soalan kepada pengarang *al-Manar* berkaitan hukum seseorang yang sihat akal fikirannya, namun secara sengaja telah menyebut beberapa lafaz yang kelihatan seperti mengkafirkan orang Islam yang lain. Antaranya seperti lafaz *Ya Kafir* (Wahai Orang Kafir), *Ya Aduw al-Allah wa Rasuluh* (Wahai Musuh Allah dan Rasul-Nya), Y*a Yahudi* (Wahai Orang Yahudi), dan *Ya Kalb* (Wahai Anjing).[35] Dalam jawapannya, pengarang *al-Manar* menegaskan bahawa lafaz cacian tersebut bukan bermaksud mengkafirkan seseorang Islam, tetapi lebih kepada menghina sahaja. Meskipun mereka yang menyebut lafaz tersebut tidak bermaksud mengkafirkan seseorang, namun perbuatan tersebut termasuk dalam dosa besar yang mewajibkan taubat bagi mereka yang menyebutnya secara sengaja.

Penganut Agama Nasrani

Selain itu, terdapat juga orang Melayu yang pernah mengemukakan persoalan berkaitan kedudukan penganut Nasrani (Kristian) sebagaimana yang dibahaskan dalam kitab kepada pengarang *al-Manar*. Pada tahun 1910, Sheikh Mohd Salim al-Kalali, seorang ulama terkenal di Singapura dan bekas pengarang makalah *al-Imam* pernah mengemukakan persoalan kepada pengarang *al-Manar* berkaitan beberapa hadis yang menceritakan kedudukan penganut Nasrani, iaitu sebagaimana yang terdapat dalam sebuah kitab hadis tulisan Ibn Hajar al-'Asqalani berjudul *Tahdhib al-Tahdhib*.[36] Dalam jawapannya, pengarang *al-Manar* menegaskan bahawa hadis tersebut diriwayatkan oleh beberapa orang ulama hadis, antaranya ialah Imam Nasaie. Persoalan yang dikemukakan oleh Sheikh Mohd Salim al-Kalali ini menunjukkan bahawa orang Melayu juga mampu mempelajari dan menguasai ilmu hadis sehingga mampu mengemukakan perbahasan hadis kepada pengarang *al-Manar*.

Selain itu, penduduk Tanah Melayu juga pernah meminta fatwa daripada *al-Manar* berkenaan penerbitan majalah di Mesir yang disyaki bertentangan dengan akidah Islam. Pada tahun 1910, seorang pembaca *al-Manar* dari Singapura pernah meminta pandangan pengarang *al-Manar* berkaitan minat yang ditunjukkan oleh umat Islam di Singapura terhadap sebuah majalah berjudul *Majallah Tawalli al-Muluk* yang diterbitkan di Mesir kerana disyaki memaparkan pelbagai pembohongan

dan unsur khurafat, selain hukum memaparkan iklan dalam majalah tersebut.[37] Dalam jawapannya, pengarang *al-Manar* menegaskan bahawa meskipun beliau sendiri belum pernah membaca majalah tersebut, namun ada pembaca menyatakan bahawa *Majallah Tawalli al-Muluk* merupakan sebuah majalah yang memaparkan ramalan dan tilikan dengan merujuk kepada bintang, selain mengandungi pelbagai bacaan mantera. Berdasarkan persoalan tersebut, jelaslah bahawa penduduk Tanah Melayu juga peka dengan perbahasan mengenai perkara yang mempunyai unsur khurafat dan bidaah seperti perbincangan *Majallah Tawalli al-Muluk* yang diterbitkan di Mesir.

Gelaran Wali

Pada tahun 1906, seorang pembaca dari Singapura pernah mengemukakan persoalan kepada pengarang *al-Manar* berkaitan gelaran wali bagi individu tertentu yang dianggap mempunyai kedudukan istimewa di sisi Allah SWT.[38] Dalam jawapannya, pengarang *al-Manar* menjelaskan bahawa amalan segelintir umat Islam ketika itu yang bermudah-mudah dalam memberikan gelaran wali kepada seseorang tidak pernah diamalkan ketika zaman Nabi Muḥammad SAW, bahkan para sahabat baginda juga tidak pernah memberi gelaran kepada ahli ibadah di zaman mereka sebagai wali. Hal ini secara tidak langsung menolak amalan segelintir umat Islam di Tanah Melayu ketika itu yang mudah memberi gelaran wali kepada seseorang yang dilihat sebagai banyak beribadah, sedangkan ulama zaman dahulu amat berhati-hati dalam memberikan gelaran wali.

Keturunan Sayyid

Persoalan berkaitan keturunan Sayyid juga menjadi tumpuan penduduk Tanah Melayu. Antaranya ialah berkaitan perkahwinan antara wanita keturunan Sayyid dengan lelaki bukan keturunan Sayyid, dan persoalan sebegini sering ditanyakan oleh masyarakat keturunan Arab di Tanah Melayu. Pada tahun 1905, seorang pembaca dari Singapura telah mengemukakan persoalan kepada pengarang *al-Manar* berkaitan hukum perkahwinan antara wanita keturunan Sayyid dengan lelaki keturunan biasa.[39] Dalam jawapannya, pengarang *al-Manar* menjelaskan bahawa perkahwinan tersebut adalah sah kerana keturunan yang sama bukanlah syarat sah sesuatu perkahwinan. Lanjutan daripada itu, Sayyid Hasan bin Alwi bin Shihabuddin dari Singapura pernah meminta pendapat pengarang *al-Manar* tentang status sebenar perkahwinan antara seorang wanita Arab Hadrami keturunan Sayyid dengan seorang lelaki India yang tidak diketahui keturunannya pada tahun 1906.[40] Pengarang *al-Manar* sekali lagi menegaskan bahawa perkahwinan tersebut adalah sah. Meskipun begitu, persoalan sama terus-menerus dikemukakan oleh penduduk Tanah Melayu khususnya dalam kalangan masyarakat keturunan Arab di Tanah Melayu kepada pengarang *al-Manar*. Pada bulan Julai 1906, pengarang *al-Manar* akhirnya mengambil keputusan untuk tidak lagi memanjangkan polemik tersebut meskipun beliau terus menerima banyak surat daripada pembaca *al-Manar* yang mempunyai pandangan yang berbeza tentang polemik tersebut.[41] Jelaslah di sini bahawa penduduk Tanah Melayu khususnya masyarakat Arab Hadrami yang berketurunan Sayyid agak peka dan sensitif dengan isu perkahwinan antara wanita keturunan Sayyid dengan lelaki bukan keturunan Sayyid. Hal ini kerana menjadi amalan mereka sejak sekian lama bahawa wanita keturunan Sayyid hanya dibenarkan berkahwin dengan lelaki keturunan Sayyid sahaja bagi menjaga jurai keturunan mereka, sebaliknya lelaki keturunan Sayyid dibenarkan berkahwin dengan wanita bukan keturunan Sayyid kerana tidak menjejaskan keturunan Sayyid.

Terdapat juga penduduk Tanah Melayu yang mengemukakan persoalan kepada pengarang *al-Manar* berkaitan amalan mencium tangan keturunan Sayyid. Pada bulan Mei 1906, seorang pembaca *al-Manar* dari Singapura pernah mengemukakan persoalan berkaitan hukum mencium

tangan seseorang daripada keturunan Sayyid. Hal ini kerana menurut beliau, terdapat seorang lelaki yang mendakwa dirinya sebagai keturunan Sayyid dari Hadramawt, Yaman pernah memarahi sesiapa yang tidak mencium tangan mereka, bahkan berpendapat bahawa mereka berhak diperlakukan sedemikian.[42] Dalam jawapannya, pengarang *al-Manar* menjelaskan bahawa perbuatan tersebut adalah satu perbuatan bidaah dalam agama. Pada bulan Julai 1906, *al-Manar* pernah menyiarkan surat daripada salah seorang anggota *al-Jam'iyyah al-Khairiyyah Singhafurah* iaitu Persatuan Kebajikan Singapura berkaitan perselisihan besar yang sedang berlaku antara masyarakat keturunan Arab di Singapura khususnya golongan Sayyid. Beliau seterusnya meminta bantuan pengarang *al-Manar* bagi menjernihkan semula perselisihan tersebut.[43] Jelaslah bahawa penduduk Singapura berpendapat bahawa pengarang *al-Manar* mempunyai kemampuan dan keupayaan untuk menjadi orang tengah yang dapat menyelesaikan konflik yang sedang berlaku dalam kalangan masyarakat, sekali gus menggambarkan pengaruh dan kedudukan *al-Manar* dan Rashid Rida dalam kalangan masyarakat keturunan Arab di Singapura.

Ahl al-Bayt

Persoalan berkaitan kedudukan *Ahl al-Bayt* iaitu keluarga Nabi Muhammad SAW juga pernah dikemukakan kepada pengarang *al-Manar*. Pada bulan Mei 1906, Sheikh Abdullah al-Hadari dari Singapura pernah meminta pandangan pengarang *al-Manar* berkenaan maksud *Ahl al-Bayt* sebagaimana dalam al-Quran iaitu ayat 33, surah al-Ahzab.[44] Dalam jawapannya, pengarang *al-Manar* menjelaskan bahawa istilah *Ahl al-Bayt* dalam surah tersebut bermaksud "Rumah Nabi Muhammad SAW" yang didiami ahli keluarga baginda, iaitu merujuk kepada semua ahli keluarga baginda termasuklah isteri, anak dan keturunan mereka. Persoalan berkaitan *Ahl al-Bayt* juga sebenarnya berkait rapat dengan masyarakat Arab Hadrami dan keturunan Sayyid yang tinggal di Tanah Melayu kerana mereka mendakwa bahawa mereka merupakan keturunan Nabi Muhammad SAW.

Kubur Nabi

Terdapat juga penduduk Tanah Melayu yang mengemukakan persoalan kepada pengarang *al-Manar* berkaitan nabi, iaitu kedudukan kubur nabi. Pada bulan April 1906, Sheikh Muhammad bin Iwad bin Abduh dari Singapura pernah mengemukakan persoalan kepada *al-Manar* berkaitan kubur Nabi Hud, iaitu sama ada kubur baginda terletak di Hadramawt, Yaman sebagaimana pandangan masyarakat Arab Hadrami.[45] Dalam jawapannya, pengarang *al-Manar* menjelaskan bahawa hanya kubur Nabi Muhammad SAW sahaja yang diketahui secara jelas, manakala kedudukan kubur para nabi yang lain adalah tidak jelas. Bahkan banyak dakwaan tentang kedudukan kubur nabi-nabi yang lain lebih berbentuk tanggapan masyarakat setempat sahaja.[46] Jawapan yang dikemukakan oleh pengarang *al-Manar* ini mempunyai kesan yang besar kepada pembaca *al-Manar* termasuklah penduduk Tanah Melayu agak lebih berhati-hati dalam menentukan kedudukan kubur para nabi selain Nabi Muhammad SAW yang tidak mempunyai hujah dan dalil yang jelas dan pasti.

Sahabat Nabi Muhammad

Penduduk Tanah Melayu juga pernah mengemukakan persoalan berkaitan manusia yang paling mulia selepas Nabi Muhammad SAW kepada pengarang *al-Manar*. Pada tahun 1906, Sheikh Muhammad bin Iwad bin Abduh dari Singapura telah meminta pandangan Rashid Riḍa berkenaan manusia yang paling mulia selepas Nabi Muḥammad SAW.[47] Pada peringkat awal, Sheikh Muhammad bin Iwad bin Abduh telah mengemukakan soalan tersebut kepada golongan ulama di Singapura, namun mereka

semua tidak mampu menjawabnya dan meminta beliau mengemukakan soalan tersebut kepada pengarang *al-Manar*. Dalam jawapannya, pengarang *al-Manar* menjelaskan bahawa tiada nas yang putus daripada al-Quran dan hadis sahih berkaitan manusia yang paling mulia selepas Nabi Muhammad SAW. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa hadis yang menceritakan beberapa sahabat baginda yang dianggap mulia selepas baginda khususnya Abu Bakar al-Siddiq, Umar al-Khattab dan Ali bin Abi Talib. Namun begitu, pengarang *al-Manar* menjelaskan bahawa seorang Muslim yang baik akan menyerahkan urusan tersebut kepada Allah SWT. Persoalan yang dikemukakan ini menunjukkan bahawa penduduk Tanah Melayu ketika itu juga sudah terdedah kepada polemik dan perbahasan mengenai nabi dan para sahabat, dan bukan hanya berkisar mengenai persoalan fikah dan ibadah semata-mata.

Selain itu, penduduk Tanah Melayu juga pernah mengemukakan persoalan kepada pengarang *al-Manar* mengenai sahabat baginda, khususnya Muawiyah bin Abi Sufyan. Pada tahun 1906, Sheikh Muhammad bin Iwad bin Abduh dari Singapura pernah mengemukakan persoalan kepada *al-Manar* berkaitan kelayakan Muawiyah bin Abi Sufyan sebagai khalifah berbanding Ali bin Abi Talib. Dalam jawapannya, pengarang *al-Manar* menegaskan bahawa Muawiyah bin Abi Sufyan memang berhak dipilih sebagai khalifah kerana beliau telah diberikan *bay'ah* (sumpah taat setia) oleh para sahabat dan pemimpin. Pada tahun 1909, seorang pembaca *al-Manar* dari Singapura juga pernah mengemukakan persoalan kepada *al-Manar* berkaitan Muawiyah bin Abi Sufyan, iaitu berkaitan keislamannya dan keharusan melaknatnya.[48] Dalam jawapannya, pengarang *al-Manar* menegaskan bahawa Muawiyah meninggal dunia dalam keadaan beriman kepada Allah SWT, dan dikebumikan di tanah perkuburan Islam. Beliau juga menegaskan bahawa perbuatan melaknat Muawiyah perlu dihentikan segera kerana tidak mendatangkan sebarang faedah. Menurut pengarang *al-Manar* lagi, tuduhan tersebut banyak dilemparkan oleh masyarakat keturunan Arab Hadrami yang menghalalkan perbuatan melaknat Muawiyah. Jawapan yang dikemukakan oleh pengarang *al-Manar* jelas merupakan satu kritikan kepada masyarakat Arab Hadrami yang menghalalkan perbuatan melaknat Muawiyah, termasuklah di Singapura.

Ibu Susuan

Pada tahun 1914, seorang pelajar Melayu yang sedang menuntut ilmu di Mesir bernama Ibrahim Bestari Siraj pernah meminta fatwa daripada pengarang *al-Manar* berkenaan masalah penyusuan, iaitu sama ada jatuh talak bagi seseorang ibu jika bayinya menyusu dengan ibunya iaitu nenek kepada bayi tersebut.[49] Dalam jawapannya, pengarang *al-Manar* menjelaskan bahawa tidak terdapat sebarang dalil yang menunjukkan bahawa jatuh talak bagi seseorang ibu jika nenek kepada bayi tersebut menyusui cucunya.

Sifat Allah SWT

Ibrahim Bestari Siraj juga pernah meminta pandangan *al-Manar* berkenaan sifat Allah SWT, iaitu sama ada Allah SWT mengetahui keseluruhan sifatnya, selain daripada Sifat Dua Puluh.[50] Dalam jawapannya, pengarang *al-Manar* menjelaskan bahawa Allah SWT sememangnya Maha Mengetahui kesemua sifat-Nya kerana tiada pengakhiran dan batasan bagi sifat Allah SWT. Kedua-dua persoalan yang dikemukakan ini jelas menunjukkan tahap ketinggian ilmu yang dimiliki oleh pelajar Melayu di Mesir kerana persoalan yang dikemukakan kemungkinan besar tidak mampu difahami oleh orang awam atau mereka yang tidak mempunyai asas pendidikan agama yang tinggi. Oleh itu, ternyata pelajar Melayu di Mesir mempunyai tahap intelektual dan pemahaman ilmu agama yang agak tinggi berdasarkan tahap persoalan yang dikemukakan.

Sambutan Perayaan Islam

Persoalan berkisar tentang kisah kelahiran Nabi Muhammad dan sambutan hari kelahiran Nabi Muhammad iaitu sambutan maulidur rasul juga menjadi antara isu yang hangat dibahaskan di Tanah Melayu pada ketika itu. Pada tahun 1906, seorang pembaca *al-Manar* dari Johor pernah meminta pandangan pengarang *al-Manar* berkaitan kes seorang lelaki dari luar bernama 'Dabi' yang menolak perbuatan membacakan kisah kelahiran Nabi Muhammad SAW kerana mengandungi pelbagai pendustaan dan unsur khurafat, sedangkan kisah tersebut sering dibacakan kepada umum.[51] Dalam jawapannya, pengarang *al-Manar* menjelaskan bahawa pandangan orang luar tersebut adalah benar, bahkan hadis yang menyatakan bahawa Allah SWT menjadikan cahaya Nabi Muhammad SAW daripada cahaya-Nya sebelum Allah SWT mencipta Nabi Adam daripada tanah adalah dusta. Pada tahun 1918, seorang pembaca *al-Manar* dari Melaka juga pernah mengkritik tulisan pengarang *al-Manar* bahawa perbuatan menyambut kelahiran Nabi Muhammad SAW dengan bentuk sambutan tertentu adalah bidaah secara mutlak.[52] Dalam jawapannya, pengarang *al-Manar* menegaskan bahawa perbuatan membaca kisah hidup Nabi Muhammad sebagaimana membaca kitab hadis dan sirah semata-mata adalah dibenarkan dan digalakkan, namun sekiranya melibatkan upacara dan sambutan tertentu maka perbuatan tersebut adalah bidaah secara mutlak. Persoalan daripada pembaca *al-Manar* dari Johor dan Melaka ini jelas menunjukkan bahawa isu sambutan hari kelahiran Nabi Muhammad dalam kalangan penduduk Tanah Melayu sudah muncul sejak awal abad ke-20.

Terdapat juga pelajar Melayu yang sedang menuntut ilmu di Mesir pernah mengemukakan persoalan kepada pengarang *al-Manar* berkenaan masalah Israk Mikraj. Pada tahun 1911, seorang pelajar Melayu pernah mengemukakan persoalan mengenai pandangan salah seorang ulama al-Azhar iaitu Dr. Muhammad Tawfiq Afandi Sidqi yang berpendapat bahawa Nabi Muhammad SAW melakukan *Mikraj* (naik ke langit) dalam keadaan bermimpi ketika sedang tidur kerana mimpi para nabi merupakan wahyu sebagaimana mimpi Nabi Ibrahim menyembelih anaknya, Nabi Ismail.[53] Dalam jawapannya, pengarang *al-Manar* menegaskan terdapat dua pandangan berkenaan masalah tersebut. Pandangan pertama bahawa Nabi Muhammad SAW melakukan *Mikraj* dengan roh dan jasad baginda, manakala pandangan kedua menyatakan bahawa Nabi Muhammad SAW bahawa melakukan *Mikraj* dengan roh baginda sahaja. Dalam hal ini, Dr. Muhammad Tawfiq lebih condong kepada pandangan kedua yang lebih mudah difahami oleh akal dan lebih selamat daripada menerima pelbagai tuduhan. Persoalan yang dikemukakan oleh pelajar Melayu di Mesir ini berkaitan isu Israk Mikraj merupakan salah satu mukjizat Nabi Muhammad SAW yang utama dan sering dipersoalkan dalam masyarakat, termasuklah dalam kalangan penduduk Tanah Melayu. Permintaan fatwa daripada pelajar Melayu di Mesir menunjukkan bahawa mereka tidak hanya memberikan perhatian terhadap aspek pembelajaran di Mesir semata-mata, tetapi juga mengikuti perkembangan semasa yang berlaku di Tanah Melayu, khususnya berkaitan pelbagai polemik berkaitan permasalahan agama yang sedang berkembang di Tanah Melayu. Dalam hal ini, mereka turut mengambil inisiatif untuk mengemukakan persoalan tersebut kepada pengarang *al-Manar* dengan harapan dapat merungkai permasalahan umat Islam di Tanah Melayu.

Permintaan Fatwa Berkaitan Aspek Ibadah

Solat di Masjid

Pada tahun 1906, seorang pembaca dari Singapura pernah bertanya kepada pengarang *al-Manar* tentang hukum menunaikan solat di sebuah masjid yang memberikan ganjaran wang kepada mereka yang menghadiri masjid tersebut untuk menunaikan solat Isyak dan solat tarawih sepanjang bulan

Ramadan. Dalam jawapannya, pengarang *al-Manar* menjelaskan bahawa seseorang yang datang menunaikan solat di masjid tersebut kerana mengharapkan ganjaran wang semata-mata dan tidak akan datang ke masjid tersebut sekiranya tidak diberikan ganjaran wang, maka hukum solatnya adalah tidak sah, manakala hukum mengambil wang tersebut adalah tidak harus. Pembaca tersebut merujuk kepada sebuah masjid di Johor yang telah memberikan ganjaran wang berjumlah 6 Riyal bagi setiap jemaah yang sering hadir untuk menunaikan solat Isyak dan solat terawih di masjid tersebut selama sebulan, manakala 30 Riyal lagi diberikan kepada imam. Ganjaran tersebut telah diberikan oleh seorang pemimpin bertujuan untuk menghidupkan kembali masjid tersebut pada bulan Ramadan kerana sebelum ini masjid tersebut hanya digunakan untuk menunaikan solat Jumaat sahaja.[54] Persoalan tentang ibadah di bulan Ramadan merupakan antara isu yang popular dalam kalangan orang Melayu sejak awal abad ke-20 lagi. Hal ini kerana orang Melayu memang mengerti tentang fadilat bulan Ramadan. Oleh itu, sebarang kemusykilan tentang aspek ibadah di bulan Ramadan memang menjadi antara persoalan yang seing dikemukakan kepada ulama.

Khutbah Jumaat

Terdapat juga orang Melayu yang mengemukakan persoalan mengenai kandungan khutbah Jumaat kepada *al-Manar*. Pada tahun 1909, seorang pembaca *al-Manar* dari Singapura pernah mengemukakan persoalan mengenai khutbah Jumaat yang disampaikan oleh Haji Abbas Mohd. Taha di Masjid Sultan, Singapura. Menurut pembaca tersebut, kandungan khutbah Jumaat tersebut bukan sahaja mengkafirkan umat Islam dan mengkritik mereka, bahkan turut memuji golongan kafir. Akibatnya, ramai daripada jemaah masjid tersebut tidak lagi berminat untuk menunaikan solat Jumaat di masjid tersebut selagi masjid tersebut membenarkan khutbah Jumaat seperti itu disampaikan kepada umum. Dalam jawapannya, pengarang *al-Manar* menegaskan bahawa kandungan khutbah Jumaat tersebut tidak bercanggah dengan syariat Islam kerana khutbah sedemikian pernah disampaikan di tempat lain. Ulama Singapura juga lebih mengetahui keadaan dan masalah umat Islam di sana, dan penyampaian khutbah tersebut bertujuan untuk menyedarkan umat Islam di Singapura.[55] Polemik berkenaan solat Jumaat juga pernah terjadi di Kelantan pada tahun 1934 apabila Lebai Ismail bin Osman, Imam Tua Surau Kelawih di Tanah Merah melaporkan kepada Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK) berkenaan tindakan Imam Muda Surau Kelawih iaitu Haji Omar bin Ahmad yang telah melaksanakan solat Jumaat pada 11 Syawal 1352 Hijrah (27 Januari 1934) dan 18 Syawal 1352 Hijrah (3 Februari 1934) meskipun jemaah masjid kurang daripada 40 orang.[56] Oleh itu, jelaslah bahawa isu kandungan khutbah Jumaat bukanlah isu yang baru kerana orang Melayu sudah mempertikaikan kandungan khutbah Jumaat sejak tahun 1909 lagi.

Waktu Solat dan Berbuka

Persoalan berkaitan masalah penentuan waktu solat dan waktu berbuka puasa berdasarkan waktu matahari terbenam juga pernah dikemukakan kepada *al-Manar*. Pada tahun 1910, Sheikh Muhammad Salim al-Kalali iaitu bekas pengarang *al-Imam* pernah mengemukakan beberapa persoalan kepada pengarang *al-Manar*. Antara persoalan yang dikemukakan ialah berkenaan status puasa dan solat bagi seseorang yang telah berbuka puasa dan menunaikan solat Maghrib setelah melibat matahari terbenam ketika berada di laut, kemudian dapat melihat matahari dengan jelas setelah menaiki belon panas di kawasan yang tinggi. Dalam jawapannya, pengarang *al-Manar* menjelaskan bahawa meskipun seseorang telah berbuka puasa dan menunaikan solat Maghrib setelah melihat bulatan matahari tenggelam di bawah ufuk dengan jelas, namun puasanya tidak terbatal dan dia tidak perlu mengulangi solat Maghrib meskipun dapat melihat matahari dengan jelas setelah menaiki belon panas di kawasan

yang tinggi.[57] Daripada persoalan tersebut, dapat difahami bahawa perkembangan teknologi semasa iaitu kewujudan belon panas yang dicipta sejak akhir abad ke-18 mengundang persoalan dalam kalangan umat Islam berkaitan hukum semasa yang melingkari penggunaan kenderaan tersebut. Hal ini kerana belon panas belum wujud pada zaman awal Islam iaitu semasa zaman Nabi Muhammad SAW , para sahabat dan tabiin, sekali gus memerlukan pencerahan daripada ulama sezaman berkaitan hukum waktu solat dan waktu berbuka puasa bagi mereka yang menaiki belon panas.

Pengurusan Jenazah

Terdapat juga orang Melayu yang mengemukakan persoalan kepada *al-Manar* mengenai kaedah terbaik menghantar jenazah ke kubur. Pada tahun 1912, seorang pembaca *al-Manar* dari Singapura pernah meminta pandangan pengarang *al-Manar* berkenaan amalan yang lebih baik, sama ada menghantar jenazah ke kubur dengan mengangkat terus jenazah, atau menghantar jenazah menggunakan kenderaan khusus seperti kereta, keretapi atau kereta kuda. Dalam jawapannya, pengarang *al-Manar* menegaskan bahawa tiada dalil daripada al-Quran dan hadis berkenaan kewajipan mengangkat jenazah dan meratapi kematian jenazah, kecuali hadis berkenaan keperluan memandikan, mengkafankan, menyembahyangkan dan menanam jenazah. Bahkan salah satu amalan sunat yang amat digalakkan ialah menyegerakan urusan pengkebumian jenazah sebagaimana amalan para sahabat Nabi Muḥammad SAW.[58] Dalam hal ini, pengarang *al-Manar* dilihat cuba menyedarkan pembaca bahawa isu utama apabila seseorang Muslim meninggal dunia bukanlah isu bagaimana cara menghantar jenazah ke kubur, sebaliknya yang lebih utama ialah isu pengurusan jenazah yang perlu disegerakan melibatkan proses memandikan, mengkafankan, menyembahyangkan dan menanam jenazah. Hal ini kerana pengarang *al-Manar* mungkin menyedari bahawa sesetengah umat Islam termasuklah orang Melayu kadang-kadang lebih menitikberatkan isu kecil seperti penghantaran jenayah berbanding isu besar seperti proses pengurusan jenazah.

Penggunaan Peralatan Moden

Permintaan fatwa oleh orang Melayu terhadap *al-Manar* juga melibatkan isu penggunaan peralatan dan teknologi moden seperti piring hitam. Pada tahun 1907, seorang pembaca dari Singapura berketurunan Arab bernama Aunullah al-Hadrami meminta fatwa daripada pengarang *al-Manar* berkaitan hukum memainkan piring hitam yang mengandungi ayat al-Quran. Dalam keluaran yang sama, Sayyid Hasan bin Alwi bin Shihabuddin dari Singapura juga pernah mengemukakan soalan berkaitan hukum mendengar piring hitam yang mengandungi bacaan ayat al-Quran, iaitu sama ada kedudukannya setaraf dengan *mashaf* al-Quran yang perlu dipelihara dengan baik. Bagi menjawab kedua-dua soalan yang hampir sama, pengarang *al-Manar* menjelaskan bahawa ayat al-Quran boleh dimainkan dengan menggunakan pemain piring hitam jika bertujuan untuk mengambil iktibar dan peringatan daripada ayat al-Quran tersebut.[59] Persoalan berkaitan piring hitam yang mengandungi bacaan al-Quran juga pernah dikemukakan oleh Ahmad bin Ali dari Masjid Besar Kelantan kepada pengarang majalah *Pengasoh* berkenaan hukum melangkah piring hitam yang mengandungi bacaan ayat al-Quran. Dalam jawapannya, pengarang *Pengasoh* menjelaskan bahawa hukum melangkah piring hitam tersebut adalah tidak haram kerana piring hitam bukanlah al-Quran sebagaimana zahirnya.[60] Persoalan tersebut sebenarnya telah dikemukakan terlebih dahulu kepada Setiausaha Majlis Ulama Kelantan, sebelum disiarkan dalam *Pengasoh* sepuluh bulan kemudian.[61] Persoalan tersebut jelas menunjukkan bahawa orang Melayu peka dengan perkembangan teknologi semasa iaitu berkaitan penggunaan piring hitam dan hukum yang berkisar dengan penggunaan peralatan tersebut, termasuk bagi memperdengar ayat al-Quran.

Terdapat juga orang Melayu yang telah meminta fatwa *al-Manar* berkenaan hukum membuat imej berjisim, termasuklah hukum mengambil gambar menggunakan kamera. Pada tahun 1918, seorang pembaca *al-Manar* dari Singapura pernah mengemukakan soalan kepada Rashid Riḍa berkenaan keharusan pekerjaan membuat objek berjisim seperti patung menggunakan kapur, batu dan logam, serta pekerjaan membuat objk berjisim menggunakan gerudi dan pen, dan pekerjaan membuat objek tidak berjisim menggunakan alatan fotografi seperti kamera. Dalam jawapannya, pengarang *al-Manar* menjelaskan bahawa pembuatan objek berjisim seperti patung adalah haram sebagaimana hadis sahih yang diriwayatkan oleh Bukhari dan Muslim.[62] Perbincangan mengenai hukum mengambil dan melukis gambar juga pernah dibincangkan dalam majalah *Tunas Melayu* sekitar tahun 1930-an, iaitu ketika majalah tersebut berada di bawah pimpinan Haji Abbas bin Mohd Taha selaku pengarang. Menurut *Tunas Melayu*, hukum melukis dan mengambil gambar adalah harus selagi tidak menjadikan gambar dan ukiran tersebut sebagai berhala.[63] Dalam hal ini, Haji Abbas bin Mohd Taha mempunyai pandangan yang lebih terbuka berkenaan keharusan melukis, mengambil gambar dan membuat ukiran apabila tidak mengharamkannya secara mutlak, dengan syarat semua objek tersebut tersebut tidak dijadikan berhala dan disembah.

Permintaan Fatwa Berkaitan Aspek Ilmu Pengetahuan

Ulama

Terdapat juga penduduk Tanah Melayu yang mengemukakan persoalan kepada *al-Manar* berkaitan kedudukan ulama. Pada bulan Mac 1906, seorang pembaca *al-Manar* dari Singapura pernah meminta pandangan pengarang *al-Manar* berkaitan hukum mereka yang menolak kata-kata dan ajaran ulama yang tidak disandarkan kepada dalil yang jelas.[64] Dalam jawapannya, pengarang *al-Manar* menjelaskan bahawa seseorang wajib menolak kata-kata ulama yang tidak disandarkan kepada dalil sebagaimana yang terdapat dalam hadis sahih yang dikemukakan oleh Imam Abu Daud dalam kitab *Sunan Abu Daud.* Pada bulan Mei 1906, seorang lagi pembaca *al-Manar* dari Singapura pernah mengemukakan persoalan berkenaan hukum memfitnah seorang ulama sebagai seorang yang tidak mengamalkan ilmunya.[65] Dalam jawapannya, pengarang *al-Manar* menegaskan bahawa hukum melemparkan fitnah kepada seseorang adalah haram sebagaimana yang tersebut dalam al-Quran dan hadis. Tambahan pula, fitnah tersebut dilemparkan kepada seseorang yang dikenali umum sebagai seorang ulama. Dalam hal ini, pengarang *al-Manar* jelas menyeru umat Islam agar tidak menghormati ulama secara membabi buta, sebaliknya menghormati ulama yang bersifat jujur dan amanah dengan ilmu yang diberikan termasuklah mengemukakan bukti yang jelas berkaitan sesuatu hukum.

Selain itu, penduduk Tanah Melayu turut meminta pandangan pengarang *al-Manar* berkenaan pemikiran beberapa ulama yang terkenal. Pada tahun 1909, Sayyid Hasan bin Alwi bin Shihabuddin pernah mengemukakan persoalan kepada pengarang *al-Manar* berkenaan kritikan terhadap Ibn Taymiyyah dan Ibn Hajar al-Haythami.[66] Dalam jawapannya, pengarang *al-Manar* menegaskan bahawa meskipun kritikan tersebut telah mengundang perselisihan yang besar, namun beliau menyeru umat Islam agar mengelakkan diri daripada perpecahan, permusuhan dan perselisihan tersebut kerana Nabi Muhammad SAW sendiri amat benci kepada perpecahan dan perselisihan. Pada tahun 1910, seorang pembaca *al-Manar* dari Singapura pernah meminta pandangan pengarang *al-Manar* berkenaan seorang ulama mazhab Shafie iaitu Ibn Hajar al-Haythami, khususnya dari segi pemikiran dan tulisannya dalam sebuah kitab berjudul *al-I'lam bi Qawati' al-Islam* yang mengkritik pemikiran Ibn Taymiyyah.[67] Dalam jawapannya, pengarang *al-Manar* menjelaskan bahawa Ibn Hajar al-Haytami merupakan seorang ulama besar mazhab Shafie yang telah menghasilkan pelbagai kitab. Persoalan yang dikemukakan menunjukkan bahawa penduduk Tanah Melayu mengenali tokoh-tokoh

besar dalam bidang akidah dan hadis ini.

Kedudukan Ilmu

Penduduk Tanah Melayu turut mengemukakan persoalan kepada pengarang *al-Manar* berkaitan kedudukan ilmu dan sifat kerjasama. Pada tahun 1909, Sayyid Abdul Rahman al-Kaf dari Singapura pernah meminta pandangan pengarang *al-Manar* berkenaan keutamaan antara ilmu dan sifat kerjasama. Persoalan tersebut telah dikemukakan kepada pengarang *al-Manar* setelah seorang lelaki telah menyatakan kepada beliau bahawa tiada kerjasama tanpa ilmu, manakala seorang lelaki lain pula menyatakan kepadanya bahawa tiada ilmu tanpa kerjasama.[68] Namun pengarang *al-Manar* tidak dapat menjawab persoalan tersebut kerana persoalan yang dikemukakan bukan sahaja terlalu umum, bahkan hubungan antara kedua-duanya juga mempunyai ruang yang sangat luas. Meskipun begitu, persoalan yang dikemukakan menunjukkan bahawa penduduk Tanah Melayu bukan sahaja mengemukakan soalan yang bersifat khusus seperti persoalan fikah, tetapi juga meliputi persoalan umum berkaitan ilmu dan akhlak dalam Islam.

Persoalan tentang kedudukan ilmu turut dikemukakan oleh penduduk Tanah Melayu kepada pengarang *al-Manar*. Antaranya ialah soalan oleh Sheikh Karamah Baldaram, pemilik majalah bahasa Arab berjudul *al-Islah* di Singapura. Pada tahun 1910, beliau mengemukakan soalan kepada *al-Manar* berkaitan ucapan Sayyid Muhammad bin Hashim yang menegaskan bahawa usaha menyatukan umat Islam dengan jalan ilmu semata-mata belum mencukupi selagi mereka tidak bekerjasama dan saling membantu dalam mengumpulkan harta benda bagi mencapai matlamat tersebut. Sayyid Hasan bin Alwi bin Shihabuddin pula menegaskan bahawa usaha untuk menyatukan umat Islam dengan jalan kerjasama semata-mata belum mencukupi selagi mereka tidak berilmu.[69] Dalam jawapannya, pengarang *al-Manar* menegaskan seruan kepada ilmu tidak bertentangan dengan seruan kepada kerjasama, dan seruan kepada kerjasama pula tidak bertentangan dengan seruan kepada ilmu kerana kedua-duanya boleh disatukan. Jelaslah bahawa persoalan berkenaan hakikat dan kedudukan ilmu merupakan antara persoalan yang popular dalam kalangan penduduk Tanah Melayu.

Kesimpulan

Kajian menunjukan bahawa penduduk Tanah Melayu merupakan masyarakat yang sentiasa dahagakan ilmu. Mereka mengetahui bahawa keterbatasan ilmu yang ada dalam diri mereka menyebabkan mereka perlu mencari sumber dan petunjuk yang boleh merungkaikan segala permasalahan mereka, khususnya dalam bidang agama. Di sinilah dapat dilihat peranan yang dimainkan oleh ulama Mesir khususnya Rashid Rida dan peranan *al-Manar* dalam memberikan pandangan dan fatwa yang boleh merungkai pelbagai permasalahan yang timbul dalam kalangan orang Melayu. Pendedahan dan minat terhadap Mesir bermula sejak akhir abad ke-19 dan berkembang pesat pada awal tahun 1920-an. Bagi orang Melayu, meskipun tidak semua fatwa tersebut diterima sepenuhnya atau diamalkan secara total, namun fenomena ini dianggap satu pencapaian penting dalam sejarah pengislaman orang Melayu dari segi kesungguhan mereka untuk mengemukakan persoalan dan memohon fatwa bagi menyelesaikan pelbagai permasalahan agama yang timbul.

Permintaan fatwa yang dikemukakan oleh penduduk Tanah Melayu ketika itu boleh dibahagikan kepada aspek akidah, ibadah, dan ilmu pengetahuan. Secara umumnya, permintaan fatwa tersebut bukan datang daripada orang awam, sebaliknya lebih banyak dikemukakan oleh ulama dan pemimpin masyarakat Arab, atau sekurang-kurangnya oleh orang Melayu yang mempunyai asas pengetahuan agama dan bahasa Arab yang baik dalam kalangan mufti dan ulama. Hal ini kerana permintaan fatwa tersebut perlu dikemukakan dalam bahasa Arab. Bagi orang awam, hal ini

kemungkinan besar akan menjadi masalah kepada mereka, sebaliknya bukanlah satu isu besar bagi mereka yang mempunyai asas pengetahuan agama dan bahasa Arab yang baik. Pada masa yang sama, permintaan fatwa tersebut juga menunjukkan bahawa orang Melayu mampu menguasai bahasa Arab dengan baik sehingga mampu mengemukakan permintaan fatwa dalam bahasa Arab yang mampu difahami oleh pengarang majalah tersebut. Meskipun penguasaan tersebut bukanlah sehebat orang Arab sendiri kerana bahasa Arab ialah bahasa pertuturan mereka, tetapi sekurang-kurangnya setaraf atau mungkin lebih baik daripada umat Islam dari tempat lain yang juga bukan berbangsa Arab. Permintaan fatwa daripada *al-Manar* juga menunjukkan bahawa penduduk Tanah Melayu tekun dalam mendalami ilmu agama dan rajin mengambil tahu tentang perkembangan semasa yang berlaku di seluruh dunia, khususnya di Dunia Islam. Kesedaran ini mendorong mereka berusaha mendapatkan majalah tersebut dengan melanggan dan membeli majalah tersebut, seterusnya meneliti perbincangan dan perbahasan yang terdapat dalam majalah tersebut.

Selain itu, permintaan fatwa terhadap *al-Manar* juga disuarakan oleh pelajar Melayu yang menyambung pengajian di Kaherah, Mesir. Dalam hal ini, jelaslah bahawa pemergian pelajar Melayu untuk menyambung pengajian di Timur Tengah bermula di Makkah diikuti dengan Mesir bukan sahaja berjaya membuka minda orang Melayu terhadap gerakan nasionalisme dan perjuangan menentang penjajah Barat yang bertiup kencang di Timur Tengah sejak akhir abad ke-19 dan awal abad ke-20, tetapi juga mendedahkan orang Melayu terhadap pelbagai pendapat dan fatwa berkenaan permasalahan agama. Hal ini kerana pelajar Melayu di Mesir mempelajari pelbagai pendapat dan fatwa daripada pelbagai mazhab dan ulama khususnya berkaitan ilmu fikah di Mesir, sekali gus membuka minda mereka terhadap keluasan ilmu-ilmu agama di sana. Apabila pulang ke tanah air, mereka inilah yang telah meniupkan angin perjuangan islah di Tanah Melayu dan seringkali dilabel sebagai Kaum Muda.

Nota

[1] Rashid Rida (1865-1965) dilahirkan di Syria sebelum berhijrah ke Mesir pada tahun 1896 untuk berguru dengan Muhammad Abduh (1849-1905). Beliau menerbitkan *al-Manar* pada tahun 1898 bagi menyebarkan idea islah kerana majalah merupakan satu-satunya saluran media yang dapat diakses dengan mudah oleh masyarakat ketika itu. Lihat Norahida Mohamed & Mohamad Zaidin Mat @ Mohamad, "Islah Sebagai Pendekatan Pembangunan Masyarakat: Kajian Terhadap Pemikiran Muhammad Rashid Rida", *Sains Insani* 2, no. 2, 2017, hlm. 101. Lihat juga Mohammad Redzuan Othman & Abu Hanifah Haris, "Egyptian Influences on Malaya's Muslim Kaum Muda (Young Faction) Before World War II", *Al-Shajarah* 18, no. 1, hlm. 4.

[2] Abu Hanifah Haris, "Kegiatan Pelajar Melayu di Kaherah Sebelum Tahun 1970", *SEJARAH: Journal of the Department of History* 23, no. 2, 2014, hlm. 111.

[3] Mohammad Redzuan Othman & Abu Hanifah Haris, "The Role of Egyptian Influences on the Religious Dynamics and the Idea of Progress of Malaya's Kaum Muda (Young Faction) before the Second World War", *British Journal of Middle Eastern Studies*, 42, no. 4, 2015, hlm. 5.

[4] Jutta Bluhm-Warn, "A Preliminary Statement on the Dialogue Established between the Al-Manar and the Malay-Indonesian World", *Indonesia Circle* 32, 1983, hlm. 35-42. Isu islah dan tajdid menjadi tumpuan kerana sering dianggap sebagai sumber utama bagi menaikkan semula kesedaran dan kebangkitan orang Melayu yang berada di dalam dilema penjajahan. Hal inilah yang diperjuangkan oleh Jamal al-Din al-Afghani.

[5] Jutta Bluhm-Warn, "Al-Manar and Ahmad Soorkattie: Links in the Chain of Transmission on Muhammad 'Abduh's ideas to the Malay-speaking World". Dlm. *Islam: Essays on Scripture, Thought and Society*, disunting oleh Peter G. Riddell & Tony Street, Brill, Leiden.

[6] Mona Abaza, "Southeast Asia and the Middle East: Al-Manar and Islamic Modernity". Dlm. *From the Mediterranean to the China Sea: Miscellaneous Notes*, disunting oleh Claude Elliot, Denys Lombard & Roderick Ptak. Wiesbaden, Otto Harrassowitz Verlag, Germany, 1998.

[7] Jajat Burhanuddin, "Aspiring for Islamic Reform: Southeast Asian Requests for Fatwas in Al-Manar", *Islamic Law and Society* 12, no. 1, 2005, hlm. 9-26.

[8] Ahmad Ibrahim Abushouk, "Al-Manar and the Hadhrami Elite in the Malay-Indonesian World: Challenge and Response", *Journal of the Royal Asiatic Society* 17, no. 3, 2007, hlm. 301-322.

[9] *Al-Manar*, Jil. 2, Bil. 41, 23 Disember 1899.

[10] *Al-Manar*, Jil. 8, Bil. 6, 31 Mei 1905.

[11] *Al-Manar*, Jil. 20, Bil. 5, 13 Januari 1918.

[12] Mona Abaza, "Southeast Asia and the Middle East: Al-Manar and Islamic Modernity", hlm. 96.

[13] Charles C. Adam, *Islam and Modernism in Egypt*, Russell & Russell, New York, 1968, hlm. 180-181. Majalah *al-Manar* tidak mendapat sambutan di Turki kerana sekatan dan kebimbangan kerajaan Turki Uthmaniyah terhadap perkembangan idea islah yang diperjuangkan oleh majalah tersebut kerana disyaki bakal membangkitkan penentangan orang Arab terhadap pemerintahan kerajaan Turki Uthmaniyah yang menguasai negara Arab sejak abad ke-16. Manakala Syria pula merupakan wilayah yang dikuasai oleh kerajaan Turki Uthmaniyah, sekali gus mengekalkan dasar yang sama di Syria.

[14] Umar Ryad, "A Printed Muslim 'Lighthouse' in Cairo: al-Manar's Early Years, Religious Aspiration and Reception (1898-1903)", *Arabica* 56, 2009, hlm. 43-44. Berlaku peningkatan dari segi sambutan terhadap penerbitan *al-Manar* pada tahun kelima penerbitannya (1903) setelah pemikiran islah yang diperjuangkan oleh Rashid Rida mula diterima secara meluas oleh Dunia Islam, sekali gus mempengaruhi penjualan majalah tersebut.

[15] *Al-Urwah al-Wuthqa* ialah majalah bulanan yang diterbitkan oleh Jamal al-Din al-Afghani dan Muhammad Abduh di Paris, Perancis antara bulan Mac hingga Ogos 1884. Majalah ini sempat diterbitkan sebanyak 18 keluaran. Lihat Julie Scott Meisami & Paul Starkey, *Encyclopedia of Arabic Literature*, Vol. 2, Routledge, London, 1998, hlm. 796.

[16] Farid Mad Zain & Rabitah Mohd Ghazali, "Hubungan dan Pengaruh Majalah al-Manar Terhadap Kebangkitan Islam di Malaysia: Fokus Terhadap Majalah Terpilih". Dlm. *Budaya dan Pemikiran Islam Mesir-Malaysia*, disunting oleh Ahmad Sunawari Long & Zul'azmi Yaakob. Jabatan Usuluddin dan Falsafah, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, 2006, hlm. 113.

[17] Siti Nurul Izza Hashim & Ermy Azziaty Rozali, "Perjuangan Rashid Rida dalam Gagasan Pan-Islamisme". *International Journal of West Asian Studies* 5, no. 1, 2013, hlm. 30.

[18] Muhammad Abduh (1849-1905) merupakan pelajar Jamal al-Din al-Afghani (1839-1897) yang paling menonjol. Beliau pernah mengajar di Dar al-Ulum dan Universiti al-Azhar, Kaherah. Beliau kemudian dilantik sebagai Mufti Mesir pada tahun 1889, seterusnya banyak menyumbang dalam memajukan bidang pendidikan di Mesir. Lihat Abu Hanifah Haris, "Konflik Aliran Progresif dan Konservatif di Tanah Melayu: Tumpuan kepada Polemik Agama dalam Kalangan Masyarakat Melayu, 1910-an hingga 1930-an", *SEJARAH: Journal of the Department of History* 33, no. 1, hlm. 40. Fatwa Muhammad Abduh juga diterima secara meluas di Tanah Melayu. Antaranya ialah fatwa yang membenarkan penerimaan faedah daripada koperasi bagi menjaga kebajikan orang Melayu telah dikeluarkan berdasarkan fatwa beliau yang menghalalkan urus niaga Skim Simpanan Pejabat Pos di Mesir. Lihat Aiza Maslan & Mahani Musa, "Isu Tabungan Orang Melayu dalam Sejarah Pengerjaan Haji Era Kapal Laut.". *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics & Strategic Studies* 50, no. 2, 2023, hlm. 97.

[19] Farid Mad Zain & Rabitah Mohd Ghazali, "Hubungan dan Pengaruh Majalah al-Manar", hlm. 113.

[20] Maktabah Syamilah, *al-Manar*, Pengenalan, https://shamela.ws/book/6947/2#p128, diakses pada 21 April 2024. Beberapa penulis misalnya tersilap dalam menyatakan bahawa tahun penerbitan *al-Manar* terhenti. Jutta Bluhm-Warn (1983), Jajat Burhanuddin (2005), dan Mona Abaza (1998) misalnya menyatakan bahawa penerbitan majalah tersebut terhenti setakat tahun 1936. Manakala Ahmed Ibrahim Abushouk (2007) pula menyatakan bahawa penerbitan majalah tersebut pula terhenti setakat tahun 1935.
[21] Abu Hanifah Haris, *Pengaruh Mesir Terhadap Masyarakat Melayu, 1906-1970: Daripada al-Imam Sehingga Kebangkitan Semua Islam*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2019, hlm. 28-29.
[22] Abdul Aziz Mat Ton, *Politik al-Imam*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2001, hlm. 158.
[23] *Al-Manar*, Jil. 9, Bil. 2, 26 Mac 1906.
[24] Dalam ajaran tasawuf, tarekat adalah jalan atau cara yang harus ditempuh oleh seseorang menuju Tuhan, iaitu dengan menyucikan diri sehingga dapat mendekatkan diri dengan Allah SWT. Lihat K.H. Muhammad Sholikhin, *Menyatu Diri Dengan Ilahi*, Yogyakarta: Penerbit NARASI, 2010, hlm. 342.
[25] *Al-Manar*, Jil. 9, Bil. 4, 24 Mei 1906. Tarekat Rasyidiyyah diasaskan oleh Ibrahim al-Rasyid dari Sudan. Beliau merupakan salah seorang murid kepada pemimpin tarekat terkenal di Sudan iaitu Aḥmad bin Idris. Lihat Tim Niblock, *The Dynamics of Sudanese Politics, 1898-1985: Class and Power in Sudan*, Albany: State University of New York Press, 1987, hlm. 104.
[26] *Al-Manar*, Jil. 10, Bil. 7, 8 September 1907.
[27] Pembaca *al-Manar* dari Kuala Lumpur tersebut turut memuji tindakan seorang ulama tempatan iaitu Haji Abbas Mohd. Taha yang giat memerangi amalan bidaah dan khurafat yang berleluasa dalam kehidupan orang Melayu. Lihat *al-Manar*, Jil. 11, Bil. 7, 27 Ogos 1908.
[28] *Al-Manar*, Jil. 12, Bil. 2, 22 Mac 1909.
[29] *Pengasoh*, Jil. 8, Bil. 181, 18 Oktober 1925.
[30] Haji Wan Musa (1874-1939) juga terdedah secara langsung terhadap perkembangan pemikiran islah di Mesir yang diperjuangkan oleh Rashid Rida, malah pernah mengutus surat kepada beliau. Lihat Nik Abdul Aziz Haji Nik Hassan, Sejarah Gerakan dan Perkembangan Alam Pemikiran Islam di Jajahan Kota Bharu, 1900-1940-an, Latihan Ilmiah, Universiti Kebangsaan Malaysia, 1973, hlm. 32-38.
[31] Nik Abdul Aziz Haji Nik Hassan, Tariq Shah Waliullah al Dihlavi di Jajahan Kota Bharu, 1934-1950, Tesis M.A., Universiti Kebangsaan Malaysia, 1977, hlm. 65.
[32] Setiausaha Kerajaan Kelantan kepada Sultan Kelantan, 8 Mei 1917, dalam Kel. PM 79/1917, Berkenaan Dengan Seorang Bernama Sheikh Azahari Mengajar Tarekatnya dan Orang-Orang Yang Mengikutinya.
[33] Memo No. 4, dalam Kel. PM 79/1917, Berkenaan Dengan Seorang Bernama Sheikh Azahari Mengajar Tarekatnya dan Orang-Orang Yang Mengikutinya.
[34] Haji Abdullah Abdul Samad kepada Dato' Perdana Menteri Paduka Raja Kelantan, 16 Zulkaedah 1342 (19 Jun 1924), terlampir dalam Kel. PM 293/1924, Rayu Hal Berkenaan Dengan Haji Wan Musa Membuat Kacau di atas Rumah Sheikh Azhari Yang Telah Ia Mendapat Amanah Wakil Menjaga Bagi Rumah Itu, Pohonkan Timbangan di atas Perbuatan Itu.
[35] *Al-Manar*, Jil. 9, Bil. 8, 19 September 1906.
[36] *Al-Manar*, Jil. 13, Bil. 2, 11 Mac 1910.
[37] *Al-Manar*, Jil. 13, Bil. 2, 11 Mac 1910.
[38] *Al-Manar*, Jil. 9, Bil. 2, 26 Mac 1906.
[39] *Al-Manar*, Jil. 8, Bil. 6, 31 Mei 1905.
[40] *Al-Manar*, Jil. 8, Bil. 24, 1 Februari 1906.
[41] *Al-Manar*, Jil. 9, Bil. 6, 23 Julai 1906.
[42] *Al-Manar*, Jil. 9, Bil. 4, 24 Mei 1906.
[43] *Al-Manar*, Jil. 9, Bil. 4, 24 Mei 1906.
[44] *Al-Manar*, Jil. 9, Bil. 4, 24 Mei 1906.
[45] *Al-Manar*, Jil. 9, Bil. 3, 25 April 1906.

[46] Sheikh Muhammad juga ada mengemukakan persoalan mengenai kewujudan seorang nabi yang bernama 'Iyad. Namun begitu, pengarang *al-Manar* menjelaskan bahawa beliau tidak pernah mendengar kewujudan seorang nabi yang bernama Iyad. Lihat *al-Manar*, Jil. 9, Bil. 3, 25 April 1906.
[47] *Al-Manar*, Jil. 9, Bil. 3, 25 April 1906.
[48] *Al-Manar*, Jil. 12, Bil. 5, 18 Jun 1909.
[49] *Al-Manar*, Jil. 17, Bil. 10, 20 September 1914.
[50] *Al-Manar*, Jil. 17, Bil. 10, 20 September 1914.
[51] *Al-Manar*, Jil. 8, Bil. 23, 26 Januari 1906.
[52] *Al-Manar*, Jil. 20, Bil. 8, 9 Mei 1918.
[53] *Al-Manar*, Jil. 14, Bil. 9, 23 September 1911.
[54] *Al-Manar*, Jil. 9, Bil. 4, 24 Mei 1906.
[55] *Al-Manar*, Jil. 12, Bil. 6, 17 Julai 1909.
[56] Lebai Ismail bin Osman kepada Setiausaha MAIK, 19 Mac 1934, terlampir dalam MAIK 109/1934, Minta Buangkan Haji Omar Imam Muda Surau Itu Kerana Ia Membuat Jumaat Tidak Mencukupi 40 Orang Yang Menyalahi Dengan Mazhab Shafie Bagi Pengetahuan Majlis.
[57] *Al-Manar*, Jil. 13, Bil. 2, 11 Mac 1910.
[58] *Al-Manar*, Jil. 15, Bil. 12, 9 Disember 1912.
[59] *Al-Manar*, Jil. 10, Bil. 6, 10 Ogos 1907.
[60] *Pengasoh*, Jil. 18, Bil. 525, 26 September 1935.
[61] Ahmad bin Ali kepada Setiausaha Majlis Ulama Kelantan, 16 November 1934, terlampir dalam MAIK 330/1934, Bertanya Masalah Melihat Gambar Perempuan Ajnabi, Wayang Gambar, Melangkah Piring Peti Nyanyi Yang Ada Lafaz Ayat al-Quran, dan Mendengar Pancaragam Yang di dalam Peti Nyanyi Itu, Adakah Haram atau Tidak Pada Hukum Syarak.
[62] *Al-Manar*, Jil. 20, Bil. 5, 13 Januari 1918. Lihat juga perbahasan berkenaan masalah pembuatan imej dalam *al-Manar*, Jil. 20, Bil. 6, 11 Februari 1918.
[63] *Tunas Melayu*, Jil. 1, No. 1, 12 Februari 1933.
[64] *Al-Manar*, Jil. 9, Bil. 2, 26 Mac 1906.
[65] *Al-Manar*, Jil. 9, Bil. 4, 24 Mei 1906.
[66] *Al-Manar*, Jil. 12, Bil. 12, 13 Disember 1909.
[67] *Al-Manar*, Jil. 13, Bil. 2, 11 Mac 1910.
[68] *Al-Manar*, Jil. 12, Bil. 11, 13 Disember 1909.
[69] *Al-Manar*, Jil. 13, Bil. 4, 9 Mei 1910.

Rujukan

Abaza, Mona. 1998. "Southeast Asia and the Middle East: *Al-Manar* and Islamic Modernity". Dlm. *From the Mediterranean to the China Sea: Miscellaneous Notes*, edited by Claude Elliot, Denys Lombard & Roderick Ptak, 93-112. Wiesbaden, Germany: Otto Harrassowitz Verlag.

Abdul Aziz Mat Ton. 2001. *Politik al-Imam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Abu Hanifah Haris. 2024. "Konflik Aliran Progresif dan Konservatif di Tanah Melayu: Tumpuan kepada Polemik Agama dalam Kalangan Masyarakat Melayu, 1910-an hingga 1930-an," *SEJARAH: Journal of the Department of History* 33, no. 1: 27-49.

Abu Hanifah Haris. 2019. *Pengaruh Mesir Terhadap Masyarakat Melayu, 1906-1970: Daripada al-Imam Sehingga Kebangkitan Semua Islam*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.

Abu Hanifah Haris. 2014. "Kegiatan Pelajar Melayu di Kaherah Sebelum Tahun 1970," *SEJARAH: Journal of the Department of History* 23, no. 2: 111-137.

Ahmad Ibrahim Abushouk. 2007. "Al-Manar and the Hadhrami Elite in the Malay-Indonesian World: Challenge and Response," *Journal of the Royal Asiatic Society* 17, no. 3: 301-322.

Adam, Charles C., 1968. *Islam and Modernism in Egypt*. New York: Russell & Russell.

Aiza Maslan & Mahani Musa. 2023. "Isu Tabungan Orang Melayu dalam Sejarah Pengerjaan Haji Era Kapal Laut," *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics & Strategic Studies* 50, no. 2: 92-108.

Bluhm-Warn, Jutta. 1983. "A Preliminary Statement on the Dialogue Established between the Al-Manar and the Malay-Indonesian World," *Indonesia Circle,* 32: 35-42.

Bluhm-Warn, Jutta. 1997. "Al-Manar and Ahmad Soorkattie: Links in the Chain of Transmission on Muhammad 'Abduh's ideas to the Malay-speaking World." Dlm. *Islam: Essays on Scripture, Thought and Society*, edited by Peter G. Riddell & Tony Street, 295-308. Leiden: Brill.

Burhanuddin, Jajat. 2005. "Aspiring for Islamic Reform: Southeast Asian Requests for Fatwas in Al-Manar," *Islamic Law and Society* 12, no. 1: 9-26.

Farid Mad Zain & Rabitah Mohd Ghazali. 2006. "Hubungan dan Pengaruh Majalah *al-Manar* Terhadap Kebangkitan Islam di Malaysia: Fokus Terhadap Majalah Terpilih." Dlm. *Budaya dan Pemikiran Islam Mesir-Malaysia*, disunting oleh Ahmad Sunawari Long & Zul'azmi Yaakob, 112-121. Bangi: Jabatan Usuluddin dan Falsafah, Universiti Kebangsaan Malaysia.

El Sandouby, Aliaa Ezzeldin Ismail. 2008. The Ahl al-Bayt in Cairo and Damascus: The Dynamics of Making Shrines for the Family of the Prophet. Disertasi Doktor Falsafah, University of California.

K.H. Muhammad Sholikhin. 2010. *Menyatu Diri Dengan Ilahi*. Yogyakarta: Penerbit NARASI.

Kel. PM 79/1917, Berkenaan Dengan Seorang Bernama Sheikh Azahari Mengajar Tarekatnya dan Orang-Orang Yang Mengikutinya, Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur.

Kel. PM 293/1924, Rayu Hal Berkenaan Dengan Haji Wan Musa Membuat Kacau di atas Rumah Sheikh Azhari Yang Telah Ia Mendapat Amanah Wakil Menjaga Bagi Rumah Itu, Pohonkan Timbangan di atas Perbuatan Itu. Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur.

Al-Manar, Jil. 2, Bil. 41, 23 Disember 1899.

Al-Manar, Jil. 2, Bil. 45, 20 Januari 1900.

Al-Manar, Jil. 8, Bil. 6, 31 Mei 1905.

Al-Manar, Jil. 9, Bil. 2, 26 Mac 1906.

Al-Manar, Jil. 9, Bil. 3, 25 April 1906.

Al-Manar, Jil. 9, Bil. 4, 24 Mei 1906.

Al-Manar, Jil. 9, Bil. 6, 23 Julai 1906.

Al-Manar, Jil. 9, Bil. 8, 19 September 1906.

Al-Manar, Jil. 10, Bil. 6, 10 Ogos 1907.

Al-Manar, Jil. 12, Bil. 2, 22 Mac 1909.

Al-Manar, Jil. 12, Bil. 5, 18 Jun 1909.

Al-Manar, Jil. 12, Bil. 6, 17 Julai 1909.

Al-Manar, Jil. 12, Bil. 11, 13 Disember 1909.

Al-Manar, Jil. 13, Bil. 2, 11 Mac 1910.

Al-Manar, Jil. 13, Bil. 4, 9 Mei 1910.

Al-Manar, Jil. 14, Bil. 9, 23 September 1911.

Al-Manar, Jil. 15, Bil. 12, 9 Disember 1912.

Al-Manar, Jil. 17, Bil. 10, 20 September 1914.

Al-Manar, Jil. 20, Bil. 5, 13 Januari 1918.

Al-Manar, Jil. 20, Bil. 6, 11 Februari 1918.

Al-Manar, Jil. 20, Bil. 8, 9 Mei 1918.

MAIK 109/1934, Minta Buangkan Haji Omar Imam Muda Surau Itu Kerana Ia Membuat Jumaat Tidak Mencukupi 40 Orang Yang Menyalahi Dengan Mazhab Shafie Bagi Pengetahuan Majlis. Arkib Negara Malaysia.

MAIK 330/1934, Bertanya Masalah Melihat Gambar Perempuan Ajnabi, Wayang Gambar, Melangkah Piring Peti Nyanyi Yang Ada Lafaz Ayat al-Quran, dan Mendengar Pancaragam Yang di dalam Peti Nyanyi Itu, Adakah Haram atau Tidak Pada Hukum Syarak Arkib Negara Malaysia.

Meisami, Julie Scott & Paul Starkey (ed.). 1998. *Encyclopedia of Arabic Literature*. Vol. 2. London: Routledge, Taylor Francis Group.

Mohammad Redzuan Othman & Abu Haris. 2015. "The Role of Egyptian Influences on the Religious Dynamics and the Idea of Progress of Malaya's Kaum Muda (Young Faction) before the Second World War," *British Journal of Middle Eastern Studies* 42, no. 4: 465-480.

Mohammad Redzuan Othman & Abu Hanifah Haris. 2013. "Egyptian Influences on Malaya's Muslim Kaum Muda (Young Faction) Before World War II," *Al-Shajarah* 18, no. 1: 1-33.

Niblock, Tim. 1987. *The Dynamics of Sudanese Politics, 1898-1985: Class and Power in Sudan*. Albany: State University of New York Press.

Nik Abdul Aziz Haji Nik Hassan. 1973. Sejarah Gerakan dan Perkembangan Alam Pemikiran Islam di Jajahan Kota Bharu, 1900-1940-an. Latihan Ilmiah, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Nik Abdul Aziz Haji Nik Hassan. 1977. Tariq Shah Waliullah al Dihlavi di Jajahan Kota Bharu, 1934-1950. Tesis Master, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Norahida Mohamed & Mohamad Zaidin Mat @ Mohamad. 2017. "Islah Sebagai Pendekatan Pembangunan Masyarakat: Kajian Terhadap Pemikiran Muhammad Rashid Rida," *Sains Insani* 2, no. 2: 98-105.

Pengasoh, Jil. 8, Bil. 181, 18 Oktober 1925.

Pengasoh, Jil. 18, Bil. 525, 26 September 1935.

Ryad, Umar. 2009. "A Printed Muslim 'Lighthouse' in Cairo: *al-Manar*'s Early Years, Religious Aspiration and Reception (1898-1903)," *Arabica* 56: 27-60.

Siti Nurul Izza Hashim & Ermy Azziaty Rozali. 2013. "Perjuangan Rashid Rida dalam Gagasan Pan-Islamisme," *International Journal of West Asian Studies* 5, no. 1: 27-40.

Tunas Melayu, Jil. 1, No. 1, 12 Februari 1933.